

21/03/2000

Bangunkan negara guna cara Asia: Dr Mahathir

KUALA LUMPUR, Isnin - Negara-negara Asia perlu dibangunkan dengan menggunakan `cara Asia' tanpa terlalu bergantung kepada bantuan luar, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, mereka harus yakin kepada `nilai-nilai Asia' sebagai satu sumber kekuatan walaupun ada sedikit keraguan mengenai kebaikan nilai itu, dalam usaha membangun dan menggiatkan semula rantau ini.

Berucap merasmikan persidangan mengenai Pembangunan Bandar Mapan di Alaf Baru, (Polmet 2000, Kuala Lumpur) hari ini, Dr Mahathir menggariskan apa yang dimaksudkannya sebagai nilai Asia.

Antaranya ialah ketiadaan sikap individualisme yang keterlaluan, rasa tanggungjawab terhadap masyarakat, mempunyai keyakinan terhadap hubungan kekeluargaan yang mantap, mengutamakan pendidikan, berjimat cermat, gigih berusaha dan kerja berkumpulan untuk negara.

Nilai Asia juga mempunyai satu kontrak sosial antara rakyat dengan negara, moral yang tinggi, akhbar yang bebas tetapi bertanggungjawab, kepercayaan terhadap rakyat sebagai pemegang amanah serta menghormati alam persekitaran.

"Sebahagian besar daya usaha itu harus datang dari dalam rantau ini dengan menggunakan kepintaran dan kebijaksanaannya sendiri, sumber yang ada, kerjasama serantau dan usaha gigih," katanya.

Kira-kira 60 pakar antarabangsa memberi ceramah pelbagai tajuk mengenai pembangunan bandar pada persidangan selama tiga hari itu. Hadir sama ialah Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding.

Dr Mahathir berkata, semakin banyak pengetahuan, kepakaran dan keupayaan untuk membuat keputusan yang lebih baik kini boleh diperoleh di Asia. Bagaimanapun, perlu ada mekanisme bagi mengubah apa yang diketahui oleh seseorang individu, kumpulan atau negara bagi membolehkan orang lain menggunakannya.

Bentuk teknologi komunikasi baru yang boleh diperoleh sekarang membolehkan seseorang memperoleh serta menilai pengetahuan saintifik dan teknikal yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah tempatan dan meningkatkan mutu hidup.

Oleh itu, katanya, adalah sangat penting pertumbuhan ekonomi Asia dipulihkan kerana ia mempunyai kaitan antara pertumbuhan ekonomi, pengurangan kemiskinan dan keadaan alam persekitaran.

"Ketidaksamaan antara kemiskinan dengan kekayaan, tahap pembangunan dan penggunaan antara negara memperlihatkan gambaran berbeza apabila perbandingan dibuat antara negara maju dengan negara membangun," katanya.

Perdana Menteri memberikan contoh rakyat Malaysia yang menikmati tahap kehidupan agak tinggi dan keadaan perumahan jauh lebih baik jika dibandingkan dengan kebanyakan negara membangun.

"Matlamat utama perumahan Malaysia ialah untuk memastikan agar setiap rakyat kami, terutama kumpulan berpendapatan rendah, mendapat akses kepada rumah yang mencukupi dan mampu untuk dibeli.

"Peruntukan perumahan harus dijadikan jentera untuk mencapai unit penempatan manusia, yang bukan saja dapat menangani keperluan fizikal bagi tempat tinggal malah keperluan negara bagi integrasi sosial, budaya dan etnik," katanya sambil menambah, pihak berkuasa tempatan mempunyai peranan penting dalam pembangunan dan pelaksanaan dasar bagi pembangunan mapan.

Dr Mahathir berkata, pertambahan tahunan 2.6 juta orang kepada jumlah

penduduk Amerika Syarikat memberi lebih banyak tekanan kepada sumber dunia berbanding pertambahan 17 juta penduduk di India setiap tahun.

Melainkan negara maju memilih gaya hidup yang kurang berintensifkan sumber dan membangunkan teknologi kurang mencemarkan, adalah sukar untuk membuat peralihan kepada sebuah ekonomi dunia yang mampan.

Kajian menunjukkan, dengan menggunakan sumber secara lebih produktif, tahap penggunaan tenaga dan bahan di negara perindustrian mungkin dapat dikurangkan empat kali ganda pada dekad akan datang dan pada masa yang sama meningkatkan tahap kehidupan.

Perbandingan seterusnya antara Amerika Syarikat dengan India menunjukkan walaupun Amerika Syarikat mempunyai lima peratus penduduk dunia berbanding 16 peratus di India, ia menggunakan kira-kira 25 peratus tenaga dunia berbanding tiga peratus oleh India, mengeluarkan 22 peratus karbon dioksida dunia dan merangkumi 25 peratus KDNK dunia berbanding masing-masing tiga peratus dan satu peratus oleh India.

"Namun, negara membangun seperti India dan negara lain harus terus hidup dalam sebuah dunia yang mana jurang sumber antara kebanyakan negara maju dan negara perindustrian semakin meluas, dengan negara perindustrian berkuasa dalam membuat keputusan di beberapa badan antarabangsa yang penting dan sudah menggunakan sebahagian besar modal ekologi dunia.

"Ketidaksamaan ini adalah masalah alam sekitar yang utama bagi dunia; ia juga adalah masalah pembangunan utama," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata, perhubungan ekonomi antarabangsa menimbulkan masalah bagi pengurusan alam sekitar di kebanyakan negara membangun, termasuk di Asia yang mana negara ini menghadapi tekanan ekonomi yang besar untuk mengeksploitasi sumber alam sekitar mereka.

(END)